

B621:
MAHATHIR-GAJI

1977

163

KUALA LUMPUR, 23 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN BERHARAP DAPAT MENUBUHKAN JAWATANKUASA BEBAS UNTUK MEMBETULKAN SEGALA ANOMALI DI BAWAH SEKIM GAJI BARU BAGI KAKITANGAN KERAJAAN MENJELANG BULAN DEPAN.

SEKARANG, KERAJAAN SEDANG MENINJAU +ORANG-ORANG YANG LAYAK+ UNTUK MENJADI AHLI JAWATANKUASA TERSEBUT, KATA TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KATANYA, JABATAN PEGUAM NEGARA SEDANG MENIMBANGKAN SUSUNAN DAN KEANGGUTAAN JAWATANKUASA ITU.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA JAWATANKUASA ITU ADALAH +NEUTRAL+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA SEMUA PERKARA ANAMOLI YANG DIKEMUKAKAN DI BAWAH SEKIM GAJI BARU UNTUK DIBETULKAN AKAN DIPERTIMBANGKAN DENGAN ADIL OLEH JAWATANKUASA ITU.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA KUNJUNGAN UTUSAN PRESIDEN SOMALIA, BRIG. JENDERAL MOHAMED ABDALLA FADIL DI PEJABATNYA DI SINI, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +PERKARA MENUBUHKAN JAWATANKUASA ITU MUNGKIN PERLU DIBENTANGKAN DI PARLIMEN.+ --
PERSAMBUNG 1714/LK

B623:

MAHATHIR-GAJI 2 KUALA LUMPUR

SEKARANG INI TIDAK ADA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG YANG MEMBOLEHKAN PENUBUHAN JAWATANKUASA ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MAHUKAN SEKIM GAJI BARU ITU DILAKSANAKAN DENGAN SECEPAT MUNGKIN UNTUK FAEDAH SEBILANGAN BESAR KAKITANGANNYA.

DI PERINGKAT INI, TIDAK MUNGKIN BAGI KERAJAAN MEMBINCANGKAN SEGALA ANAMOLI DI PERINGKAT MAJLIS KEBANGSAAN BERSAMA OLEH KERANA INI AKAN MELAMBATKAN PELAKSANAAN SEKIM ITU.

+ADA BERATUS-RATUS PERKARA DAN KAMI TIDAK BOLEH MENYELESAIKANNYA SECARA BERASINGAN,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, KERAJAAN TELAH MEMBERIKAN SATU PENEGASAN UNTUK MENILITI SEMUA ANOMALI DAN +INI TIDAK PERLU DIBIMBANGKAN+.

MENGENAI SEKIM GAJI ANGKATAN TENTERA DAN PEGAWAI KANAN POLIS, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, JABATAN PERKHIDMATAN AWAM TELAH PUN SELESAI MEMBUAT KAJIANNYA.

JAWATANKUASA KABINET AKAN MENGAJUI LAPURAN JABATAN ITU MENGENAINYA. -- BERNAMA 1721/LK